

Tahap Penggunaan Bahan Bantu Mengajar (BBM) Di Kalangan Guru-Guru Ketua Panitia Kemahiran Hidup Di Sekolah Rendah Daerah Kulim Bandar Baharu

Fadzli bin Dahalan
Ranjit Singh A/L Malkiat Singh
IPG Kampus Tuanku Bainun, Bukit Mertajam, Pulau Pinang

Abstrak :

Kajian ini bertujuan untuk mengetahui tahap penggunaan BBM guru-guru Ketua Panitia Mata pelajaran Kemahiran Hidup sekolah rendah di Daerah Kulim Bandar Baharu semasa proses pengajaran dan pembelajaran dalam kelas. Data diperolehi melalui instrumen soal selidik yang diedarkan ke seluruh sekolah rendah di daerah Kulim Bandar Baharu. Sampel kajian ini melibatkan seramai 83 orang guru-guru Ketua Panitia Kemahiran Hidup sekolah rendah daerah Kulim Bandar Baharu, Kedah. Seramai 83 orang responden telah memberi respon melalui soal selidik yang diedarkan. Data yang diperolehi kemudiannya diproses menggunakan perisian komputer Statistical Package For Social Science (SPSS) Versi 13 untuk mendapatkan kekerapan, peratusan dan min bagi menjawab persoalan kajian. Dapatan kajian menunjukkan tahap penggunaan penggunaan buku teks pada setiap kali pengajaran berada pada tahap tinggi dengan nilai min 4.40 diikuti dengan penggunaan lembaran kerja dengan nilai min 4.30, penggunaan buku kerja dengan nilai min 4.38. Sementara BBM yang kurang kerap digunakan ialah carta dengan nilai min 3.90 diikuti dengan penggunaan buku rujukan dengan nilai min 3.86, kad imbasan 3.65, komputer 3.11 dan majalah 3.01. BBM yang sangat kurang digunakan ialah alatan audio visual dengan nilai min 2.88 diikuti alatan video dengan nilai min 2.70. Dapatan di sini jelas menunjukkan bahawa kebanyakan guru masih menjadikan bahan bercetak seperti buku teks dan lembaran kerja sebagai pilihan utama BBM dalam pengajaran dan pembelajaran dalam kelas. Dapatan ini jelas menafikan tanggapan sesetengah pihak yang penggunaan buku teks sebagai BBM semakin dipinggirkan penggunaannya di sekolah-sekolah. Kebanyakan guru masih meletakkan keyakinan yang tinggi terhadap penggunaan bahan bercetak terutamanya buku teks sebagai sumber pengajaran yang dekat dengan pelajar. Walau bagaimanapun, penggunaan BBM berunsur audio visual perlu diberi perhatian yang lebih khusus memandangkan penggunaannya adalah sangat minima apatah lagi pengajaran matapelajaran Kemahiran Hidup adalah sangat signifikan dengan kerja amali yang melibatkan kemahiran manipulatif yang boleh diperkukuhkan melalui sokongan bahan berunsurkan video dan audio visual.

PENGENALAN

Sistem pendidikan adalah sentiasa bersifat dinamik. Oleh yang demikian ianya sentiasa menempuh banyak perubahan selaras dengan tuntutan semasa. Inovasi diperkenalkan untuk menyelesaikan masalah dan untuk memperbaiki amalan semasa serta mempertingkatkan kualiti pendidikan di sekolah. Di Malaysia, pengenalan dan pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) 1982 dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) 1987 merupakan dua inovasi utama di dalam pendidikan negara. Perubahan-perubahan ini memberi implikasi yang pelbagai samada dari segi penyebaran, pembangunan dan proses pelaksanaannya sendiri.

Berdasarkan Laporan Jawatankuasa Kabinet 1989, Mata pelajaran Kemahiran Hidup diperkenalkan sebagai menggantikan mata pelajaran elektif seperti mata pelajaran Sains Pertanian, Seni Perusahaan, Sains Rumah Tangga dan Perdagangan. Di dalam pendidikan komprehensif yang diamalkan sejak tahun 1965 hingga sekarang, murid-murid hanya perlu memilih salah satu daripada empat mata pelajaran elektif di peringkat sekolah menengah rendah. Ini bermakna bahawa murid-murid hanya mengetahui isi kandungan mata pelajaran elektif yang berkenaan itu sahaja dan tidak akan mempelajari isi kandungan mata pelajaran lain yang juga berguna dalam kehidupan harian mereka. Ini bermakna murid-murid akan terarah lebih mahir dalam satu kemahiran sahaja. Tujuan utama mata pelajaran KH dibentuk ialah untuk membekalkan pelajar dengan kemahiran-kemahiran asas praktik, membina sikap berdikari dan keyakinan dalam melaksanakan urusan hariannya serta pembentukan daya inisiatif dan peluang yang ada padanya dengan bijaksana. Ia juga memberi persediaan asas yang lebih luas kepada pelajar untuk pengkhususan di peringkat Menengah atas.

Penekanan kepada kaedah pengajaran yang melibatkan latihan amali menjadikan pengajaran KH memerlukan penggunaan BBM yang pelbagai dan bersesuaian. Oleh itu semua apparatus ini perlu dirancang penggunaannya dengan teliti serta tersusun semasa proses pengajaran berlaku. Menurut Amir Hasan (2002), dalam sebuah bilik darjah, setiap individu mempunyai psikologi dan kebolehan intelek yang berbeza antara satu sama lain. Lantaran itu pengajaran yang dirancang perlu sesuai, disusun (mengikut tahap pelajar) dan disokong (dengan alat bantu mengajar) bagi merangsang perkembangan potensi individu ke tahap yang maksimum. Lantaran itu guru-guru KH yang rata-ratanya berlatarbelakangkan kemahiran teknikal haruslah bijak dan kreatif dalam pengajarannya dengan memperbanyak dan mempelbagaikan penggunaan ABM dalam pengajaran mereka. ABM adalah penting dalam pengajaran dan pendidikan kerana ianya dapat merangsang minat yang tinggi kepada pelajar untuk belajar.

Penggunaan elemen teknologi multimedia dalam bilik darjah perlulah diaplikasikan sepenuhnya kerana kajian-kajian terkini menunjukkan faedah teknologi ini dalam pengajaran dan pembelajaran. (Rohaya,2003: Kamarul Azmi dan Ab. Halim, 2007). Justeru guru-guru KH hendaklah sentiasa peka dan proaktif terhadap perkembangan semasa tentang kaedah pengajaran terkini serta kesannya ke atas proses pembelajaran pelajar. Mereka juga perlu sentiasa berusaha ke arah menghasilkan pengajaran yang dapat memberikan impak yang positif dan bermakna kepada pelajarnya. Ini bukan sahaja dapat meningkatkan mutu pengajaran dan pembelajaran di sekolah, malahan dapat melahirkan pelajar yang dapat menyumbang tenaga kepada pembangunan negara.

PERNYATAAN MASALAH

Isu penggunaan BBM dalam pengajaran bukanlah perkara baru dalam dunia pendidikan kini. Ianya seolah telah menjadi satu rutin yang perlu dipertimbangkan penggunaannya dalam kelas kerana sifatnya yang membantu dalam mencapai objektif pengajaran. Justeru, guru perlu bijak memilih kaedah pengajaran yang paling sesuai untuk diselaraskan dengan BBM yang digunakan. Walaupun pelbagai kaedah pengajaran terancang telah ditekankan kepada semua leparan guru untuk diterapkan semasa pengajaran namun terdapat kajian-kajian yang menunjukkan bahawa unsur penting dalam aspek pengajaran KBSR tidak diikuti dan dilaksanakan sepenuhnya dalam bilik darjah. Menurut Abd Rahman (2000), pelbagai alat teknologi pendidikan digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah-sekolah di Malaysia. Penggunaan multimedia moden seperti video klip, *YouTube* dan powerpoint beranimasi boleh meningkatkan kualiti pembelajaran disamping meningkatkan motivasi pelajar. Namun pada hakikatnya,terdapat sungutan dari pelbagai pihak bahawa dalam pelaksanaan KBSR, terdapat tanda-tanda bahawa teknik pengajaran mulai berpatah balik kepada cara lama iaitu pengajaran secara kelas masih diamalkan sepanjang waktu (Omar Mohd. Hashim 1991). Ini diakui kemudiannya oleh Ketua Nazir sekolah, Jemaah Nazir Sekolah (JNS) Kementerian Pendidikan, Nik Faizah Mustapha, "...dapatan JNS mendapati guru kurang yakin serta kurang keupayaan untuk melaksanakan KBSR dan KBSM secara total...".

Justeru, guru KH dan juga guru-guru mata pelajaran yang lain haruslah melakukan anjakan paradigma dalam pengajaran mereka dan tidak semata-mata menggunakan kaedah '*chalk and talk*' dalam pengajaran. Ini kerana kaedah ini membosankan dan menurunkan

motivasi pelajar untuk belajar. Guru perlu mempertingkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran mereka sejajar dengan cabaran pendidikan masa kini dengan mendedahkan kepada pelajarnya dengan ABM yang mampu membantu kefahaman dan menolong pelajar ke arah pembelajaran yang lebih bermakna. Persoalannya, sejauhmanakah penggunaan BBM dipraktikkan dengan sebaiknya di kalangan guru-guru KH khususnya Ketua-ketua Panitia Kemahiran Hidup di sekolah-sekolah daerah Kulim Bandar Baharu dalam proses pengajaran dan pembelajarannya dalam kelas?

OBJEKTIF KAJIAN

Berpandukan kepada persoalan kajian di atas, objektif kajian ini adalah untuk:

1. Mengenalpasti tahap penggunaan BBM dalam proses pengajaran dan pembelajaran di kalangan guru-guru KH daerah Kulim Bandar Baharu, Kedah Darulaman.
2. Mengetahui jenis-jenis BBM yang sering digunapakai oleh guru-guru KH dalam pengajaran subjek berkenaan dalam kelas.
3. Melihat perbezaan tahap penggunaan BBM yang berasaskan bahan bercetak dengan bahan berunsurkan komputer dan audio visual.

REKA BENTUK KAJIAN

Reka bentuk kajian ini digunakan sebagai panduan untuk penyelidik mendapatkan data dan maklumat. Kaedah yang digunakan adalah berbentuk tinjauan deskriptif. Kajian deskriptif adalah kajian yang bertujuan untuk menerangkan suatu fenomena yang sedang berlaku dan ia digunakan di dalam penyelidikan pendidikan. Kaedah ini adalah sesuai digunakan kerana ia bertujuan untuk mengumpulkan segala maklumat mengenai pemboleh ubah. Menurut Mohamad Najib (1999), kaedah tinjauan deskriptif sesuai digunakan untuk menerangkan keadaan atau perhubungan antara dua pemboleh ubah. Instrumen yang digunakan adalah soal selidik di mana ia diedarkan kepada responden untuk mendapatkan maklum balas dan maklumat yang berkaitan dengan persoalan kajian. Tujuan penyelidik menggunakan soal selidik ini adalah untuk mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan tahap penggunaan BBM di kalangan guru-guru Ketua Panitia KH daerah Kulim Bandar Baharu, Kedah Darulaman.

Penyelidik telah memilih instrumen ini kerana ia sering digunakan dalam beberapa kajian mengenai penggunaan alat bantu mengajar di kalangan guru-guru di sekolah. Selain itu,

instrumen ini juga mudah difahami dan dikelolakan. Beberapa perkara juga telah dipertimbangkan untuk memilih instrumen ini iaitu :-

- i. Instrumen jenis ini adalah menjimatkan waktu penyelidik dan guru-guru, cepat di samping menjimatkan kos.
- ii. Responden hanya perlu memilih jawapan yang sesuai sebagaimana yang telah disediakan. Ini dapat memudahkan responden dalam memberikan maklumbalas memandangkan responden yang dipilih adalah terdiri daripada guru-guru Ketua Panitia KH yang sentiasa sibuk dalam menjalankan tugas harian mereka di sekolah.

Instrumen jenis ini adalah berbeza dengan cara temubual di mana responden terpaksa memilih jawapan. Tambahan pula, ia memerlukan masa, tenaga dan perbelanjaan yang besar (Mohd Majid, 1994). Menurut Mohd Majid (1994), soal selidik merupakan salah satu alat ukur yang lazim digunakan dalam penyelidikan pendidikan. Soal selidik juga dapat digunakan untuk mendapatkan maklumat yang tepat mengenai fakta-fakta, kepercayaan, perasaan, kehendak dan sebagainya.

INSTRUMEN KAJIAN

Dalam kajian ini, penyelidik menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen kajian. Instrumen kajian ini sering digunakan dalam bidang kajian kerana ia agak mudah berbanding dengan cara lain. Menurut Mohd Majid (1994), soal selidik lebih praktikal dan berkesan digunakan terutama populasi yang besar. Selain itu, ia juga digunakan untuk mendapatkan semua maklumat berkenaan fakta-fakta, kepercayaan, perasaan, kehendak dan lain-lain.

Responden juga diberi peluang untuk mengemukakan pandangan tambahan yang berkaitan dalam ruangan yang disediakan dalam soal selidik yang berkenaan. Kesemua item dalam borang soal selidik ini dibina sendiri oleh penyelidik berdasarkan kesesuaian tajuk serta maklumat yang diperlukan. Instrumen ini dibahagikan kepada 3 bahagian iaitu (Semua item dalam borang soal selidik telah diubah suai mengikut kesesuaian dan keperluan tajuk serta maklumat berkaitan dengan kajian ini):

- i. **Bahagian A** : Bahagian ini mengandungi 13 item yang merujuk kepada latarbelakang responden iaitu umur, kelulusan ikhtisas, opsyen MP, pengalaman mengajar, kursus-kursus dalam perkhidmatan yang dihadiri, penguasaan isi kandungan MP, keperluan kursus dan sumber maklumat yang digunakan dalam merancang pengajaran
- ii. **Bahagian B** : Bahagian ini dibina bertujuan mengenalpasti kaedah-kaedah pengajaran yang digunakan oleh responden semasa pengajaran dalam kelas. Bahagian ini juga turut menyenaraikan BBM yang digunakan oleh responden seperti media elektronik dan bukan elektronik.
- iii. **Bahagian C** : Bahagian ini mengandungi 16 item yang merujuk kepada faktor-faktor yang menjadi halangan dalam menghalang keberkesanan pengajaran MP Kemahiran Hidup di sekolah responden. Di antara faktor yang dipertimbangkan termasuklah faktor kemudahan sekolah, luaran, guru dan kesediaan pelajar.

Skala interpretasi yang digunakan dalam kajian ini adalah seperti berikut :

Kurang Memuaskan		Memuaskan	Baik	
Tidak pernah digunakan	Sangat kurang digunakan	Kurang digunakan	Kerap	Sangat kerap
1	2	3	4	5

KAJIAN RINTIS

Kajian rintis terhadap soalan kajian dilakukan terlebih dahulu untuk menguji kesahan soalan. Menurut Mohamad Najib (1999), sebelum melakukan kajian sebenar, kajian rintis perlu dilakukan dengan menggunakan sampel yang mempunyai ciri-ciri yang sama dengan populasi yang hendak diuji. Dalam kes ini, kajian rintis telah dilakukan oleh penyelidik ke atas 10 orang guru Ketua Panitia MP Kemahiran Hidup di 10 buah sekolah sekitar Kulim Bandar Baharu. Pemilihan sampel untuk kajian rintis ini dilakukan secara rawak bertujuan bagi memastikan instrumen kajian yang diguna pakai bersesuaian dengan responden dan memenuhi kesahan ujian. Sebanyak 10 borang soal selidik telah diisi dan dikembalikan, diproses dan dianalisis datanya menggunakan 'Statistical Package for Social Science (SPSS) Version 13' bagi mendapatkan koefisien Cronbach. Nilai '*alpha cronbach*' bagi keseluruhan kajian ini ialah 0.67

Menurut Mohamad Najib (1999), jika nilai Alpha 0.6 – 0.7 ia boleh diterima dan jika melebihi 0.8 adalah sangat baik.

DAPATAN KAJIAN

Tahap Penggunaan ABM

Dalam bahagian ini, penyelidik menggunakan min bagi setiap penggunaan BBM responden bagi menjawab persoalan kajian 1 mengenai tahap penggunaan ABM di kalangan guru-guru Ketua Panitia KH daerah Kulim Bandar Baharu, Kedah Darulaman. Di dapati purata min ialah 3.62. Ini menunjukkan tahap penggunaan BBM di kalangan responden adalah pada tahap sederhana.

Jadual 1 : Tahap Penggunaan BBM

Bil	Bahan Bantu Mengajar (BBM)	Min	Tahap
1	Buku Teks	4.40	Kerap Digunakan
2	Carta	3.90	Kurang Digunakan
3	Lembaran Kerja	4.30	Kerap Digunakan
4	Buku Kerja	4.38	Kerap Digunakan
5	Kad Imbasan	3.65	Kurang Digunakan
6	Buku Rujukan	3.86	Kurang Digunakan
7	Majalah	3.01	Kurang Digunakan
8	Video	2.70	Sangat Kurang Digunakan
9	Komputer	3.11	Kurang Digunakan
10	Peralatan Audio Visual	2.88	Kurang Digunakan

Jadual 1 menunjukkan tahap penggunaan BBM di kalangan responden. Didapati hanya BBM berunsurkan bahan-bahan bercetak sahaja yang mempunyai tahap kekerapan penggunaan yang tinggi di kalangan responden. BBM seperti poster/carta, kad imbasan, buku rujukan, komputer dan majalah berada pada tahap kurang penggunaannya di kalangan responden. Manakala penggunaan peralatan audio visual berada pada tahap sangat rendah penggunaannya di kalangan responden.

Min bagi kekerapan penggunaan bahan bercetak dalam proses pengajaran dan pembelajaran ialah 4.50.

Min bagi kekerapan penggunaan poster/carta dalam proses pengajaran dan pembelajaran ialah 3.90. Ini menunjukkan kekerapan penggunaan poster/carta di kalangan responden adalah pada tahap sederhana.

Min bagi kekerapan penggunaan komputer dalam proses pengajaran dan pembelajaran ialah 3.11. Ini menunjukkan kekerapan penggunaan gambar foto di kalangan responden adalah pada tahap sederhana.

Min bagi kekerapan penggunaan video dalam proses pengajaran dan pembelajaran ialah 2.70. Ini menunjukkan kekerapan penggunaan video di kalangan responden adalah pada tahap sangat rendah.

PERBINCANGAN

Berdasarkan dapatan kajian, dapatlah disimpulkan di sini bahawa tahap penggunaan BBM di kalangan guru-guru Ketua Panitia Kemahiran Hidup Daerah Kulim Bandar Baharu adalah pada tahap sederhana. Dapatan ini selaras dengan dapatan Mohd Razi (2002), yang mendapati secara keseluruhannya tahap penggunaan BBM di kalangan guru-guru Kemahiran Hidup adalah masih pada tahap sederhana. Hasil analisis yang dijalankan menunjukkan hanya bahan bercetak sahaja merupakan BBM yang paling kerap digunakan oleh responden dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Ini bermakna kebanyakan responden lebih suka menyediakan bahan bercetak untuk digunakan dalam pengajarannya kerana ianya lebih mudah dan ringkas untuk disediakan. Di samping itu kos untuk mencetak bahan-bahan yang berkenaan juga adalah rendah dan kebiasaannya ditanggung sepenuhnya oleh pihak sekolah.

Penggunaan carta, komputer dan majalah pula mencatatkan penggunaan pada tahap sederhana oleh guru-guru Ketua Panitia Kemahiran Hidup. Keadaan ini mungkin disebabkan kurangnya kemudahan makmal komputer yang lengkap bagi memenuhi kehendak semua pelajar. Selain itu, pengetahuan dan kemahiran menggunakan perisian terkini menggunakan peralatan multimedia

dalam pengajaran dan pembelajaran didapati agak kurang. Ada guru KH sukar menyesuaikan penggunaan komputer dengan kemudahan di bengkel Kemahiran Hidup yang didapati agak sesak dan kurang kondusif. Ng Ying (2004) dalam kajiannya mengakui tahap penggunaan OHP, projektor slaid, carta dan model adalah pada tahap sederhana dikalangan guru-guru teknikal .

Penggunaan bahan multimedia dari laman sesawang seperti *YouTube* dan klip-video sepatutnya dioptimalkan penggunaannya dalam menyampaikan P&P, memandangkan bahan-bahan ini boleh memberi gambaran yang lebih jelas tentang prinsip kendalian mesin mahupun jentera-jentera dan teori mengenainya yang sukar diterang dan difahami dalam keadaan biasa. Kaedah simulasi komputer terbukti membantu membina kefahaman yang lebih baik dalam merungkai sesuatu konsep yang agak abstrak dikalangan pelajar (Alessi & Trollip, 2001). Pembelajaran menerusi simulasi merupakan salah satu strategi pengajaran yang terbukti berkesan dalam meningkatkan mutu pembelajaran dari perbagai aspek (Van Berkum dan De Jong, 1991).

Dapatan juga mendapati yang kebanyakan responden amat jarang menggunakan peralatan audio visual dalam pengajaran mereka. Peralatan audio visual seperti televisyen, radio, powerpoint slaid, YouTube dan klip video (movie) sebenarnya masih boleh membantu dalam pengajaran dalam kelas jika digunakan dengan betul pada situasi yang tepat. Peralatan ini perlu dikembangkan penggunaannya selaras dengan perkembangan dan minat semasa pelajar. Perkembangan pesat dalam dunia pendidikan dan ledakan penggunaan multimedia dalam P&P harus dimanfaatkan sepenuhnya oleh guru KH. Ini adalah kerana media elektronik terkini mampu memudahkan penyampaian guru KH semasa mengajar. Penggunaan media elektronik sebenarnya dapat mengurangkan kepenggunaan BBM buatan kertas yang biasanya akan rosak selepas penggunaannya. Ia juga membantu guru meningkatkan keupayaannya dalam memberikan input, penyimpanan, pencarian, penyalinan, perolehan semula, perhubungan, manipulasi , simulasi dan animasi dalam KH. Oleh yang demikian, guru-guru KH perlu berusaha untuk melengkapkan diri dengan kemahiran menggunakan teknologi multimedia dalam meningkatkan kualiti pembelajaran KH.

Secara keseluruhannya dapatlah disimpulkan bahawa daripada sepuluh BBM yang disenaraikan, hanya bahan bercetak sahaja yang mempunyai tahap penggunaan yang tinggi di kalangan guru-guru Ketua Panitia Kemahiran Hidup Daerah Kulim Bandar Baharu. Tahap

penggunaan BBM yang lain seperti poster/carta, perisian komputer dan LCD proyektor pula adalah pada tahap sederhana. Manakala tahap penggunaan peralatan audio visual seperti televisyen dan radio, radio dan kaset, gambar foto dan papan gulung pula adalah rendah.

Rujukan

Asiah Abu Samah (1990). *Ke Arah Pendidikan Bermutu Melalui Penerapan Teknologi Pendidikan*. Jurnal Pendidikan, 24(74), 1-4.

Azizi Yahaya et. al. (2007). *Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur : PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.

Baharuddin Aris & Shariff Omar (1995). *Amalan Menggunakan Alat Dan Bahan Bantu Mengajar Di Kalangan Guru Sekolah Menengah : Kajian Awal*. UTM: Kertas Universiti Teknologi Malaysia : Tesis Sarjana Muda. Kerja Yang Dibentangkan Pada Kongres Sains Dan Teknologi Malaysia.

Dywer, F.M (1978). *Strategies For Improving Visuals Learning : A Handbook For Effective Selection, Design And Use Of Visualized Materials*. Pannsylvania: Learning Service, State College.

Ee Ah Meng (1997). *Amalan Dalam Bilik Darjah*. Kuala Lumpur : Syarikat Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Fatimah Abu Bakar (1980). *Educational Media In Secondary Schools : A examination Existing Facilities And The Relationships Between Selected Teacher Variables And Media Utilisation*. Universiti Sains Malaysia : Tesis Sarjana Pendidikan.

Gan, L.E (1990). *Teachers Utilization Of Resouce Materials In The Teaching And Learning Of KBSM Geography In Secondary School In Malacca*. Universiti Malaya : Kajian Ilmiah Sarjana Pendidikan.

Hughes, A.L (1988). *The Crisis Of Distance Education : A Dangerous Appportunity*. Paper Present At The Annual Meeting Of The American Education Reserch Association, L.A.

Jomo, K.S (1991). "Masyarakat Malaysia : Cabaran Sosio-Ekonomi". Kuala Lumpur:Insan.
Kamarudin Hj. Husin (1990). *Kaedah Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa*. Kuala Lumpur : Saujana.

Lai Kim Leong, Khaw Ah Hong & Seah Ai Kuan (2002). *Satu Kajian Mengenai Penggunaan Bahan Bantu Mengajar Dalam Pengajaran Pembelajaran Matematik Di Sekolah Rendah*. Tesis Jabatan Matematik Maktab Perguruan Batu Lintang, Sarawak.

Mahmud Yunus (2007). *Tafsir Al-Quran Nul Karim Rasm Uthmani*. Kuala Lumpur : Klang Book Centre.

Mohamad Mohsin Mohamad Said & Nasruddin Yunos. *Peranan guru dalam memupuk kreativiti pelajar*. Jurnal Pengajian Umum Bil. 9, Pusat Pengajian Umum Universiti Kebangsaan Malaysia.

Ng Ying Shya (2004). *Penggunaan Alat Bantu Mengajar Di Kalangan Guru-Guru Teknikal Sekolah Menengah Teknik, Negeri Kedah*. Universiti Teknologi Malaysia : Tesis Sarjana Muda.

Omardin Ashaari (1999). *Pengajaran Kreatif Untuk Pembelajaran Aktif*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Rohaya Hassan (2003). *Tahap pengetahuan dan kemahiran komputer dari perspektif guru Pendidikan Islam di daerah Kuala Trengganu*. Latihan Ilmiah Sarjana Pendidikan. Bangi: Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Rosini Abu Bakar & Ramlah Hamzah (1998). *Pedagogi 1 : Kurikulum Dan Pengajaran Bilik Darjah*. Selangor : Longman Malaysia Sdn. Bhd.

Seidman, S.A (1986). *A survey Of School Teacher Utilization Of Media*. Educational Technology, Oct. 1986.

Siti Fatimah Ahmad dan Ab. H (2010). *Persepsi Guru Terhadap Penggunaan Bahan Bantu Mengajar Berasaskan Teknologi Multimedia dalam Pengajaran j-QAF*. Journal of Islamic and Arabic Education 2(2). Hlm. 53-64.

Shaharuddin Md Salleh, Zaidatun Tasir dan Baharuddin Aris . *Simulasi Menerusi Web: Persepsi pelajar terhadap pembelajaran WWWS*. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.

Yusup Hashim (1997). *Media Pengajaran Untuk Pendidikan Dan Latihan*. Shah Alam : Fajar Bakti Sdn. Bhd.